

Penguat kuasa cedera

UM 13 SEP 2003

KUALA LUMPUR 12 Sept. — Semua pegawai penguat kuasa yang cedera atau terkorban semasa bertugas akan menerima faedah dan saraan seperti yang diterima oleh anggota keselamatan dan ahli keluarga mereka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, ini sebagai menghargai jasa semua anggota dan pegawai penguat kuasa lain yang juga terdedah kepada pelbagai ancaman semasa bekerja.

Menurut beliau, kerajaan juga bersetuju untuk membekalkan peralatan yang sesuai bagi melindungi pegawai penguat kuasa semua agensi yang keluar bertugas.

Dalam masa yang sama, Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan memberi jaminan bahawa kerajaan akan mempertingkatkan lagi kawalan keselamatan di seluruh negara dengan mengkaji organisasi bahagian tertentu dalam Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang sedia wujud.

“Keupayaan PDRM juga akan ditingkatkan melalui pemberian peralatan dan latihan khas kepada anggotanya supaya mereka dapat melaksanakan tugas dengan lebih berkesan,” kata beliau semasa membentangkan Bajet 2004 di Dewan Rakyat hari ini.

Menurut beliau, kerajaan tetap bertanggungjawab untuk menyediakan persekitaran awam dan perniagaan yang selamat di

terima faedah

negara ini walaupun berhadapan dengan kejadian ‘hijacking’, cetak rompak, gangsterisme, tonto dan rompak yang semakin membimbangkan sejak kebelakangan ini.

Sebagai mengukuhkan lagi keselamatan perairan negara, tegas Dr. Mahathir, kerajaan telah memutuskan penubuhan Angkatan Penguatkuasa Maritim Malaysia (APMM).

Selaras dengan itu, katanya, bagi tahun 2004 kerajaan memperuntukkan sejumlah RM4.4 bilion kepada keselamatan dalam negeri manakala RM6.5 bilion kepada Kementerian Pertahanan.

“Bagi perbelanjaan pembangunan pula, peruntukan masing-masing adalah sebanyak RM750.5 juta dan RM2.1 bilion disediakan untuk melengkapkan dan memodenkan sistem pertahanan dan keselamatan negara,” ujarnya.